

30 Jun, 1981

Pimpinan Umno: Ulasan akhbar Indonesia

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

JAKARTA, Isnin — Sebuah akhbar harian Indonesia yang berpengaruh berkata Perhimpunan Agung UMNO dalam pemilihan pucuk pimpinan Jumaat lalu telah menonjolkan tokoh muda yang mempunyai pandangan baru terhadap arah Malaysia sebagai negara Melayu dengan komponen rakyat berbilang kaum.

Dalam lidah pengarangnya, harian "Merdeka" berkata, pada mereka terletak suatu harapan patriotisma bangsa Melayu harus dikembangkan secara dinamik untuk membina sifat-sifat khas bagi pertumbuhan bangsa dan kewibawaan negara.

Menurutnya, pemilihan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan bakal Perdana Menteri dan Datuk Musa Hitam, sebagai Timbalan Presiden merupakan tokoh dari generasi baru yang telah disaring dan mempunyai bakat.

"Mereka selama ini telah mendayung antara berbagai-bagai batu karang, bersusah payah merangkuh dayung memperkuatkan bakat mereka bagi menghadapi berbagai rintangan.

"Kini mereka telah tiba di seberang," kata harian itu lagi.

Harian "Kompas", dalam lidah pengarangnya berkata, dengan pemilihan kedua-dua tokoh itu Malaysia telah menemui satu sistem pergantian pimpinan yang cukup teruji dan sejauh ini berjalan lancar dan cukup teratur.

Ini mencerminkan prestasi UMNO dalam mewujudkan sistem politik bercorak demokrasi kerana di kebanyakan negara yang sedang membangun, pergantian pimpinan nasional sering kali masih merupakan suatu proses yang rawan, (tambah harian itu.)